



قجابه فربندهاران نكري ترغكانو

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,
20592 Kuala Terengganu.

Telefon : 09-623 1957
Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr)
: 09-626 7948 (Bend. Tr)
E-mel : perbendaharaan@terengganu.gov.my

PERB.TR. A/21/01/0/00 - (39)
Bertarikh : 3 Mei 2017
Bersamaan : 6 Syaaban 1438

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Negeri Terengganu

Tuan

PERUBAHAN GAJI BAGI BULAN JUN 2017


Dengan homatnya merujuk perkara di atas, pihak kami ingin memaklumkan bahawa bagi memastikan gaji dapat dibayar mengikut jadual, Perbendaharaan Negeri telah menetapkan syarat-syarat sebagaimana berikut:-

- 1.1 Proses perubahan gaji bulan Jun 2017 yang dibenarkan adalah seperti berikut:-
 - a) Kakitangan Bersara
 - b) Perlantikan Baru
 - c) Penahanan Gaji
 - d) Penamatan Elaun Tanggung Kerja
 - e) Kematian
 - f) Meletak Jawatan
 - g) Pertukaran
- 1.2 Perubahan potongan gaji yang dibenarkan adalah
 - a) Pendahuluan Pinjaman Kenderaan
 - b) Pendahuluan Pinjaman Komputer
 - c) Bayaran Balik Pendahuluan Diri
 - d) Potongan Pinjaman Perumahan
 - e) Potongan Cukai Pendapatan (PCB)
- 1.3 Perbendaharaan Negeri tidak akan mengambil kira perubahan-perubahan lain selain daripada yang dibenarkan seperti di para 1.1 dan 1.2.

2. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan kew. 320 disemak/lulus di PTJ bermula **21 Mei 2017 hingga sebelum atau pada 31 Mei 2017** untuk tindakan selanjutnya.

...2/-

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 5426

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: MY-AR 5426

Visit Beautiful
Terengganu
Malaysia 2017


3. Semua PTJ yang menguruskan gaji adalah dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan yang telah dinyatakan untuk memastikan penyediaan gaji dapat diuruskan dengan sempurna dan gaji dapat dibayar mengikut jadual yang telah ditetapkan.
4. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berkenaan perkara ini bolehlah menghubungi Seksyen Gaji di talian 09-6276261 atau 09-6276528.
5. Kerjasama dan perhatian daripada pihak Jabatan/PTJ amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“ TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,


(MOHD ISHAK BIN MOHD YASIN)
Penolong Akauntan Tinggi
b.p. Pegawai Kewangan Negeri,
Terengganu.